

Pemimpin sayap UMNO anggap gesaan Abdullah wajar dihayati

UM 18 JUN 2003

KUALA LUMPUR 17 Jun — Pemimpin tiga sayap UMNO iaitu Pemuda, Wanita dan Puteri mengang- gap gesaan Datuk Seri Abdullah Ahmad B a d a w i yang menekankan betapa pentingnya perpaduan diperkukuhkan wajar dihayati oleh para pemimpin dan ahli-ahli UMNO.

Ketua Pergerakan Wanita, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, perpaduan di kalangan anggota parti harus terus dipelihara agar kekuatan UMNO tidak terhakis.

“Kita bermegah-megah dengan ketuanan Melayu dan UMNO yang begitu gemilang sehingga lupa kejayaan yang diperoleh itu adalah hasil usaha pucuk pimpinan dengan kerjasama ahli-ahli.

“Kalau kita hendak pertahankan kejayaan ini haruslah berterusan kita lakukan apa yang telah dibuat pada masa lepas dengan memberi sokongan

yang sentiasa membela penuh kepada pucuk pimpinan kita,” katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas ucapan Abdullah pada perasmian serentak Perhimpunan Agung Tahunan Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), malam ini.

Rafidah berkata, amanat Abdullah itu selari dengan amanat Presiden LJMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang menekankan pentingnya perpaduan dalam parti.

Ketua Pergerakan Pemuda, Datuk Hishammuddin Tun Hussein pula yakin UMNO dapat memenangi hati rakyat dalam pilihan raya akan datang melalui gerakan turun padang yang lebih berkesan dalam masa terdekat ini.

Menurut beliau, ia boleh dilakukan kerana majoriti ahli sangat komited dengan perjuangan parti

yang sentiasa membela nasib rakyat.

Katanya, bagi segelintir ahli yang telah mencemar nama baik parti, mereka perlu sedar keburukannya dengan kembali bersatu bersama majoriti ahli yang komited dengan perjuangan UMNO.

“Generasi muda perlu pastikan kekuatan sedia ada perlu diwariskan dan dalam pada itu berusaha memperkukuhkan kekuatan melalui gerakan turun ke bawah,” tegasnya.

Hishammuddin yang menyifatkan ucapan Abdullah sebagai menggambarkan keikhlasan seorang bakal Presiden parti, berkata, intipati ucapan Timbalan Perdana Menteri itu memberikan peringatan kepada pergerakan supaya jangan leka dan puas hati dengan kedudukan sedia ada.

Dalam konteks peralihan kuasa dalam UMNO sekarang, Hishammuddin

berkata, pergerakan itu akan mengekalkan tradisi supaya kedudukan parti melebihi segala kepentingan individu.

Ketua Puteri, Azalina Othman pula menegaskan bahawa amanat Abdullah itu bukan sahaja akan menjadi cabaran kepada perjuangan Puteri, tetapi merupakan peringatan terpenting kepada ahli-ahli pergerakan itu.

Menurut beliau, apa yang disampaikan oleh Abdullah itu perlu dilaksanakan dengan cara yang terbaik dan mengikut luanas-lunas yang dituntut oleh agama.

“Saya melihat politik bukan untuk menentang pihak lawan, tetapi adalah tugas dan amanah yang harus dipikul oleh mereka berkecimpung di dalam bidang ini,” katanya.